



TEKS UCAPAN



**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MAJLIS PELANCARAN SIMKAD RAKYAT 1MALAYSIA (SR1M)
16 MAC 2015**

Assalamualaikum w.b.t. Dan salam sejahtera,

Yang Berbahagia Dato' Sri Alias Bin Haji Ahmad

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Azmi Bin Lateh

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang berbahagia dato' basaruddin bin sadali

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Zaidon Bin Haji Asmuni

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan kepenggunaan

Yang Berusaha Encik Mohd. Noor bin Mohd. Amin

Pengerusi Simkad Rakyat 1Malaysia (SR1M)

Pihak pengurusan Optic Tech Sdn Bhd,

Yang saya hormati para media,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. Pertama sekali saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t atas limpah dan rahmatNya dapat kita bersama-sama hadir ke Majlis Pelancaran Simkad Rakyat 1Malaysia (SR1M) pada hari ini.
2. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan projek bagi memastikan rakyat Malaysia mendapat manfaat serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kita dapat lihat pembangunan di dalam negara begitu rancak sekali. Kesemua program pembangunan tersebut adalah untuk memastikan rakyat berpeluang untuk menikmati kesan daripada pertumbuhan ekonomi negara sekarang.
3. Tahun 2015 merupakan tahun yang mencabar buat Malaysia. Bermula dari akhir tahun 2014 sehingga sekarang, kita dapat lihat pelbagai cabaran yang melanda negara serta ketidaktentuan ekonomi. Seperti contoh, penurunan harga minyak dunia yang mendadak sehingga mencecah 50 us dollar, penyusutan kadar matawang ringgit Malaysia, bencana banjir yang melanda negeri-negeri di tanahair dan menjelang 1 April 2015 ini, pelaksanaan sistem percukaian GST akan bermula. Ini memerlukan pihak kerajaan agar merangka strategi-strategi yang pantas dan berkesan agar ekonomi negara akan bangkit dan kembali berkembang.

Para hadirin sekalian,

4. Dalam kerajaan bertindak untuk memantapkan pencapaian ekonomi negara, kerajaan tetap menyedari akan permasalahan rakyat di luar sana khususnya rakyat yang kurang berkemampuan. Program demi program diwujudkan demi memastikan kesejahteraan rakyat. Semenjak mula diperkenalkan kepada rakyat Malaysia pada tahun 2009 lalu, kita dapat lihat banyak produk-produk yang menggunakan nama 1Malaysia yang dilaksanakan dan digunakan oleh segenap lapisan masyarakat. Antaranya ialah **Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M), Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M), Bantuan Rakyat 1Malaysia, Kedai Buku 1Malaysia, Kedai Optikalk Rakyat 1Malaysia (KOR1M)** dan pelbagai lagi inisiatif di bawah 1Malaysia bertujuan untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana dalam mengurangkan beban kos sara hidup yang dihadapi.
5. Hasil daripada sokongan rakyat Malaysia, kini **Kedai Rakyat 1Malaysia telah mempunyai 162 buah outlet di seluruh negara** dan masih lagi kekal menjual barangan keperluan harian berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat pada harga yang lebih murah berbanding jenama terkenal. **Kedai Kain Rakyat 1Malaysia pula telah mempunyai 30 buah cawangan** beroperasi yang menjual barangan tekstil pada harga yang lebih murah dan **Kedai Optikalk Rakyat 1Malaysia** kini telah mempunyai **lebih dari 120 buah outlet optikal** yang menyertai program tersebut.
6. Ini membuktikan bahawa **kerajaan tidak pernah mengabaikan keperluan masyarakat yang kurang berkemampuan** malahan **kerajaan wujudkan inisiatif khusus bagi mereka sebagai alternatif kepada produk sedia ada**. Kerajaan juga tidak akan berhenti setakat di sini sahaja dan akan meneruskan lagi usaha untuk memperbanyakkan inisiatif di bawah gagasan 1Malaysia demi kebaikan rakyat Malaysia sekalian.

Pada hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Seperti yang kita sedia maklum, bidang telekomunikasi adalah merupakan antara bidang yang terpenting dalam memacu kemajuan sesebuah negara. Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia, sumbangan sektor telekomunikasi dan multimedia pada tahun 2013 adalah sebanyak **RM53.4 bilion** dan dijangka akan meningkat bagi tahun 2014. Manakala jumlah langganan telefon bimbit di Malaysia pada suku ketiga tahun 2014 adalah sebanyak **43 juta langganan** dengan kadar penembusan sebanyak 145 langganan bagi setiap 100 penduduk. Jika kita lihat dengan jumlah penduduk di Malaysia yang berjumlah hanya **30 juta orang**, ini bermakna bayi juga boleh memiliki telefon bimbit.

8. Telekomunikasi tanpa wayar (wireless) atau telefon mudah alih kini merupakan pemangkin utama dalam melebarkan jaringan telekomunikasi dan perhubungan setara dengan negara-negara maju di dunia. Dengan kewujudan teknologi 4g atau lte, maka definisi telekomunikasi dapat dilebarkan lagi bukan hanya dengan sekadar perhubungan menggunakan suara malah perhubungan menggunakan data yang memartabatkan bidang telekomunikasi sebagai penggerak utama dalam penyebaran maklumat terkini.

9. Oleh yang demikian, saya amat berbesar hati pada hari ini kerana saya telah diberi peluang untuk melancarkan satu lagi inisiatif 1Malaysia yang diusahakan oleh pihak swasta iaitu **Simkad Rakyat 1Malaysia (SR1M)**. Melalui perwujudan simkad rakyat 1Malaysia (SR1M), pengguna akan menikmati perkhidmatan telekomunikasi yang terkini pada harga yang rendah bersama kualiti yang setara dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang lain.

10. Selain daripada itu, program ini juga sekaligus akan mewujudkan rangkaian kedai milik bumiputera di dalam bidang telekomunikasi sejajar dengan dasar kerajaan dalam pemerkasaan ekonomi Bumiputera.
11. Inisiatif ini adalah merupakan hasil usaha Syarikat Optic Tech Sdn Bhd sebagai penyedia perkhidmatan (Pemegang Lesen Asp-C) dengan kerjasama U-Mobile Sdn Bhd (U Mobile) sebagai penyedia rangkaian telekomunikasi yang terkini dan mampu milik untuk seluruh rakyat Malaysia. Kerajaan tidak memberikan sebarang insentif kepada syarikat untuk melaksanakan inisiatif ini, namun disebabkan syarikat ingin membantu kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan rakyat, maka tercetuslah program Simkad Rakyat 1Malaysia.
12. SR1M menawarkan perkhidmatan selular (telefon tanpa wayar), khidmat pesanan ringkas (sms) dan akses internet pada harga yang amat berpatutan. Saya dimaklumkan oleh pihak syarikat bahawa pek permulaan SR1M dijual pada harga RM 5.90 bagi setiap kad dan pengguna akan mendapat **RM5.00 kredit percuma** berserta **150 megabait akses internet**. Caj yang dikenakan oleh SR1M pula adalah sebanyak 8 sen bagi setiap 30 saat, 8 sen bagi setiap sms manakala penggunaan internet akan dicaj sebanyak 5 sen bagi setiap megabait data yang dimuat turun.
13. Saya percaya kadar yang diumumkan sebentar tadi amat menarik bagi pengguna-pengguna telefon bimbit yang mahukan kesenangan dan kebebasan dalam penggunaan tanpa perlu terikat dengan bil telefon serta caj-caj tersembunyi yang sering dirungutkan oleh pengguna selama ini. Kewujudan SR1M ini bukanlah untuk menambahkan persaingan kepada industri penyedia rangkaian telefon mudah alih yang kini begitu pesat pembangunannya, akan tetapi ia sebagai alternatif bagi mereka yang memerlukan telefon bimbit sebagai alat perhubungan utama seperti golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta pelajar-pelajar.

14. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan peratusan penembusan (*penetration*) teknologi maklumat kepada rakyat Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyebarkan penggunaan IT Ke seluruh negara.
15. Saya dimaklumkan bahawa pada masa sekarang, syarikat ingin menumpukan kepada sistem prabayar atau *prepaid*, namun berhasrat untuk memperluaskan perkhidmatan bagi merangkumi perkhidmatan pascabayar (*post paid*) atau menggunakan bil di masa akan datang. Bagi tujuan pembelian kad sim serta tambah nilai kredit panggilan, ejen-ejen SR1M di seluruh negara telah dilantik dan maklumat lanjut boleh diperolehi dari laman web SR1M iaitu www.SR1M.com.my.

Para hadirin sekalian,

16. Suka saya ingin menyeru agar lebih banyak pihak dan syarikat swasta tampil untuk bekerjasama dengan kerajaan khususnya KPDNKK dalam mewujudkan inisiatif yang berkonsepkan 1Malaysia sebegini. Pewujudan inisiatif-inisiatif ini akan memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia khususnya yang sebelum ini tidak mempunyai kemampuan agar turut menikmati dan menggunakan barangan dan perkhidmatan tersebut. Apa yang penting, inisiatif yang dicadangkan tersebut perlulah memenuhi 3 prinsip asas iaitu (1) **harga barangan dan perkhidmatan yang lebih murah**; (2) **barangan dan perkhidmatan yang berkualiti**; dan (3) inisiatif tersebut **untuk manfaat rakyat**.
17. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kementerian kepada Syarikat Optic Tech Sdn Bhd kerana telah menyambut seruan kerajaan agar mewujudkan inisiatif 1Malaysia dengan menghasilkan SR1M.

Para hadirin sekalian,

18. Akhir kata, saya berharap agar segala usaha yang kita lakukan demi memastikan kesejahteraan rakyat samada oleh kerajaan sendiri mahupun pihak swasta akan dipermudahkan oleh Allah. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk menyaksikan pelancaran Simkad Rakyat 1Malaysia ini.

19. Saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim **melancarkan Simkad Rakyat 1Malaysia (SR1M).**

Sekian, terima kasih.